

TARIKH	5 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	6	RUANGAN	News

Pelajar MARSAH adakan khidmat masyarakat

» Program TaHa@U tingkatkan pendeposit baru untuk galak tunai haji

Oleh Mahani Ishak
bhjib@harian.com.my

Johor Bahru

Program Khidmat Masyarakat TaHa@U, esok, mengumpulakan 50 pelajar Kolej Pengajian Islam (MARSAH) Johor selama tiga hari di Masjid Taman Perling, di sini.

Sepanjang program itu, mereka juga diberi pendedahan untuk mempraktikkan kebolehan masing-masing sebagai imam dan bilal di beberapa surau sekitarnya.

Sempena program anjuran Tabung Haji (TH) bersama akhbar BH itu, beberapa acara kemasyarakatan diadakan, termasuk kenduri rakyat, penyembelihan lembu aqiqah, gotong-

royong masjid dan forum perdana, sekali gus memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat setempat.

Pengerusi Masjid Jamek Taman Perling, Mohd Yusof Hassan berkata program itu bertujuan menarik minat pelajar institusi pengajian tinggi menabung dengan TH pada usia muda, selain mahu kumpulan sasaran itu membiasakan diri mengikuti aktiviti keagamaan.

"Strategi pelaksanaan TaHa@U ini adalah usaha meningkatkan pendeposit baru bagi menggalakkan lebih ramai umat Islam menunaikan ibadat haji dan menggalakkan agensi luar mempromosikan program kemasyarakatan di kawasan masjid.

"Seramai 20 pelajar

Khairoddin (enam dari kiri) memperkerisikan mesyuarat sempena Program TaHa@U di Masjid Jamek Taman Perling. (FOTO MAHANI ISHAK/BEH)



perempuan akan ditempatkan di Pusat Perlindungan Wanita, manakala baki pelajar lelaki ditempatkan dalam khemah yang disediakan sekitar kawasan masjid supaya segala aktiviti dapat dilancarkan mengikut perancangan," katanya.

Bellau memberitahu demikian selepas mengadakan perbincangan bersama Timbalan Pengarah TH Johor, Khairoddin Ahmad dan wakil The New Straits Times Press (M) Berhad

(NSTP), Shazli Aghus. Hadir sama, Pegawai Hal Ehwal Pelajar MARSAH, Fadzly Fatkhorrachman dan wakil penaja, Maybank, Bank Rakyat dan Bank Muamalat.

Program gotong-royong meliputi kerja pembersihan dalam dan luar masjid, aktiviti keceriaan yang dijayakan kumpulan pelajar terbabit serta masyarakat setempat, termasuk merasai pengalaman melapah

"Program TaHa@U ini menggalakkan agensi luar mempromosikan program kemasyarakatan di masjid"

Mohd Yusof Hassan, Pengerusi Masjid Jamek Taman Perling

bagi menaja 500 pendeposit baru.

daging lembu bagi tujuan aqiqah. Khairoddin berkata, program kemasyarakatan bagi memperkasakan hubungan agensi kerajaan dan swasta dengan masyarakat sekitar Taman Perling selain menggalakkan orang ramai menyertai aktiviti keagamaan. Ahli Parlimen Pulau, Datuk Nur Jazlan Mohamed menyumbang RM1,000

